


TAJALAH HONOR GILA-GILA :  
PERKEMBANGAN GAYA DAN TEMA KARTUN  
(1978 - 2008)



INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (IMP)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH :  
MULYADI MANSABOOD

SEPTEMBER 2010

**“MAJALAH HUMOR *GILA-GILA*:  
PERKEMBANGAN GAYA DAN TEMA KARTUN (1978-2008)”**

**KANDUNGAN.**

Prakata.....	ii
Penghargaan.....	iv
Senarai Ilustrasi.....	vi
Bab 1. Pendahuluan.....	1
Bab 2. Kartun <i>Gila-Gila</i> Dekad 1970-an.....	8
Bab 3. Kartun <i>Gila-Gila</i> Dekad 1980-an.....	84
Bab 4. Kartun <i>Gila-Gila</i> Dekad 1990-an.....	284
Bab 5. Kartun <i>Gila-Gila</i> Tahun 2000 – 2008.....	402
Bab 6. Kesimpulan.....	468
Rujukan.....	475
Biodata Penulis.....	478
Lampiran.....	479

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia kerana telah meluluskan permohonan saya untuk menjalani cuti sabbatical bagi menjalankan penyelidikan mulai 17 Ogos 2009 hingga 16 Ogos 2010. Ruang waktu dan kemudahan yang diberikan telah memungkinkan saya menyiapkan penyelidikan bertajuk "Majalah Humor *Gila-Gila*: Perkembangan Gaya dan Tema Kartun (1978-2008)" dengan jayanya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor UiTM, Y.Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, FASc; Dekan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), Prof. Madya Dr. Mustafa Halabi Hj. Azahari; mantan Dekan Prof. Madya Dr. Baharudin Ujang; Koordinator Jabatan Pengajian Liberal, FSSR, Prof. Madya Mohamad Khalil Amran; Ketua Program Jabatan Pengajian Siswazah, Prof. Madya Ramlan Abdullah, Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI) serta semua staf fakulti dan jabatan atas sokongan mereka.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Creative Enterprise Sdn. Bhd. (CESB), khususnya Pengarah Urusan, En. Jaafar Taib; Editor *Gila-Gila*, Cik Ana; Editor Buku, Cik Zana; Bahagian Pentadbiran, Cik Margie Leo dan Cik Zura; serta semua staf CESB dan kartunis *Gila-Gila* atas kemudahan, bantuan dan sokongan yang diberikan sewaktu saya menjalankan penyelidikan di syarikat berkenaan. Terima kasih juga kepada semua kartunis yang telah memberikan kerjasama serta kebenaran untuk saya menggunakan

## BAB 1. PENDAHULUAN

### 1.1 Pendahuluan

Tarikh 1 April 1978 merupakan suatu detik bersejarah dalam dunia penerbitan kartun tempatan, kerana pada tanggal tersebut lahirlah majalah *Gila-Gila*, majalah ikonik bagi genre humor dan kartun berbahasa Melayu di negara ini. Sejak kelahirannya, *Gila-Gila* telah melakar pelbagai sejarah penting dalam landskap perkembangan seni lukis kartun dan penerbitan tanah air dengan menjadi perintis, pencetus, penggalak, *trend setter*, melahirkan ramai tokoh dan kartunis baru, dan yang lebih penting mengangkat martabat dan kedudukan seni lukis kartun dan komik secara umumnya. Melewati pelbagai cabaran dunia penerbitan, persaingan, perkembangan sosiobudaya, politik, ekonomi dan pembangunan teknologi, majalah ini kekal bertahan sehingga ke hari ini dengan terus menjadi cerminan identiti kemalaysiaan dan kemelayuan dalam kartun tempatan.

Digerakkan pada awal kelahirannya oleh tokoh-tokoh penting seperti Jaafar Taib, Azman Yusof, Zainal Buang Hussein, dan Mishar, kejayaan *Gila-Gila* pada era awal itu dapat diukur menerusi sambutan hebat masyarakat yang di luar jangkauan mereka. Bermula hanya dengan jumlah edaran sebanyak 9,000 naskah yang habis dijual dalam masa seminggu dan memaksa penerbitnya mengulang cetak (Sabri Said, 1996 dalam Hamed Mohd Adnan, 2003: 145), keluaran majalah itu menjangkau edaran sehingga melebihi 100,000 pada tahun 1989. Sumber SRM Media Index pada tahun 1990 menunjukkan bahawa pembaca *Gila-Gila* terdiri daripada masyarakat pelbagai latar belakang sosioekonomi dengan majoriti pembaca Melayu (95%)

sekitaran usia 15 hingga 24 tahun (66%). Hal ini menunjukkan bahawa *Gila-Gila* telah melakar sejarahnya yang tersendiri dengan membangkitkan genre kartun dan komik dalam dunia penerbitan tanah air, menyaingi penerbitan majalah-majalah lain yang berkonsepkan hal ehwal wanita dan hiburan pada masa itu.

Terdahulu pada tahun 1936, penerbitan akhbar *Warta Jenaka* oleh Warta Malaya Press Ltd. di Singapura telah merintis dunia penerbitan berasaskan kartun, karikatur dan jenaka yang berpaksikan isu-isu politik semasa. Sejak 1950-an hingga 1970-an, karya-karya kartun pula lebih banyak menghiasi ruangan jenaka dalam majalah hiburan daripada terbit sebagai suatu entiti sendiri. Kemunculan *Gila-Gila* bukan sahaja membangkitkan dunia kartun dan karikatur dari sudut pendekatan melukis atau pengkaryaan, malahan dari segi penyampaian dan edaran dalam konteks industri seni dan penerbitan, keluasan skop, tema, mesej dan jenaka dalam kartun dan penulisan satira. Kelahiran *Gila-Gila* dengan diikuti banyak majalah lain serta wujudnya budaya berpameran di kalangan kartunis telah menjadikan dekad 1980-an sebagai era kegemilangan dunia kartun Malaysia.

*Gila-Gila* lahir tepat pada waktunya ketika negara ketandusan bahan bacaan berasaskan kartun, komik dan karikatur yang kukuh. Beracuankan konsep formal kartun global seperti dalam majalah popular Amerika Syarikat *Mad* serta berlatarbelakangkan masyarakat, dunia hiburan dan jenaka Melayu, kelahiran *Gila-Gila* mencetuskan fenomena baru dalam dunia kartun dan komik tanah air. Penyesuaian konsep kartun dalam majalah *Mad*, misalnya transformasi dan adaptasi filem popular ke dalam kartun seperti kepopularaan filem lakonan pelawak A.R. Badul, ataupun biasan kartun-kartun jenaka Aragones berjaya memikat hati pembaca.